

Indeks Kesejahteraan Hidup Warga Emas Orang Asli di Bandar dan Pinggir Bandar Negeri Selangor

Nor Hafizah Mohd Fizer (P77474) dan Sharina Abdul Halim

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email:

Pernyataan Masalah: Kesejahteraan hidup dan peningkatan populasi warga emas dipengaruhi oleh faktor demografi iaitu kadar fertiliti dan mortaliti. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, dalam tempoh 13 tahun antara tahun 2000 hingga 2013, jangka hayat rakyat Malaysia meningkat daripada 72.2 tahun kepada 74.2 tahun. Namun dalam skala mikro, purata jangka hayat bagi kumpulan Orang Asli ialah pada usia 53 tahun. Ini menunjukkan kematian berlaku di usia yang muda dan tidak ramai dalam kalangan mereka yang hidup sehingga usia tua. **Objektif:** Kajian ini adalah untuk melihat tahap kesejahteraan hidup warga emas Orang Asli daripada tujuh aspek iaitu sosial, ekonomi, spiritual, psikologi, kesihatan persekitaran dan budaya. Kajian dijalankan di perkampungan orang Asli di bandar di daerah Petaling (Desa Temuan, Rasau Hulu dan Rasau Hilir) dan pinggir bandar di daerah Kuala Langat (Desa Kemandol, Bukit Cheding, Pulau Kempas, Busut Baru, dan Bukit Tadam), Selangor. **Metodologi:** Kajian yang dilakukan adalah secara kuantitatif menggunakan teknik survei terhadap warga emas Orang Asli. Dalam kajian ini, responden yang dipilih ialah mereka yang berusia 50 tahun ke atas. Seramai 267 orang responden telah menjawab soal selidik. **Hasil Kajian:** Analisis hasil kajian terhadap ketujuh-tujuh aspek kesejahteraan hidup warga emas Orang Asli menunjukkan kedua-dua kawasan bandar dan pinggir bandar tidak menunjukkan jurang perbezaan yang besar. Daripada analisis kawasan bandar dan pinggir bandar menunjukkan bahawa kesejahteraan kesihatan adalah 100%, kesejahteraan persekitaran bandar (100%) dan pinggir bandar (98.9%). Manakala kesejahteraan hidup psikologi di bandar ialah 94.5% dan di pinggir bandar pula ialah 90.5%. Bagi kesejahteraan hidup spiritual pula ialah 88.9 % di pinggir bandar dan 75.3% di bandar. Budaya pula menunjukkan kesejahteraan hidup di pinggir bandar lebih tinggi (90.3%) daripada bandar (87.1). Kesejahteraan sosial pula ialah 74.3 % di bandar dan 70.0% di pinggir bandar. Kesejahteraan ekonomi adalah sederhana bagi warga emas di kedua-dua petempatan Orang Asli iaitu 40.0% di bandar dan 56.4% di pinggir bandar. Perbandingan antara kampung tradisi dan petempatan semula menunjukkan perbezaan hasil berbanding analisis mengikut bandar dan pinggir bandar. Empat daripada aspek kesejahteraan di kampung tradisi adalah lebih tinggi daripada di bandar iaitu sosial (82.1%), ekonomi (54.9%), psikologi (95.8%), dan spiritual (94.7%). Manakala aspek kesejahteraan hidup kesihatan kampung tradisi dan petempatan semula masing-masing 100% tidak berubah dengan analisis bandar dan pinggir bandar. Oleh itu dalam kajian ini, kesejahteraan hidup warga emas berbeza bukan sahaja dari sudut bandar dan pinggir bandar tetapi jenis petempatan sama ada tinggal di kampung tradisi ataupun di petempatan semula. **Kesimpulan:** Terdapat perkampungan Orang Asli yang berada di bandar tetapi tinggal di jenis petempatan kampung tradisi dan terdapat juga kampung Orang Asli di pinggir bandar tetapi berada di petempatan semula. Kajian ini menunjukkan kawasan pinggir bandar dipengaruhi oleh kawasan bandar. Antara faktor-faktor pengaruh yang dikenalpasti adalah jarak, mobiliti dan interaksi sosial dengan masyarakat luar.